

Penyebaran Berita Palsu dan Strategi Daya Tindak Mahasiswa semasa Pandemik COVID-19

The Spread of Fake News and Students' Coping Strategies during COVID-19 Pandemic

Nurul Asikin Samad dan Ida Shafinaz Mohamed Kamil*
Universiti Malaysia Sabah

*Corresponding author: ismk97@ums.edu.my

Dihantar: 30 November 2022 / Diterima: 31 Disember 2022

Received date: 30 November 2022 / Accepted date: 31 December 2022

DOI: <https://doi.org/10.51200/jpks.v6i1.5717>

Infodemik merupakan istilah yang digunakan bagi menggambarkan informasi dan pandemik yang bergerak seiring dengan penyebaran fakta dan informasi. Berita palsu bukan lagi isu yang asing dalam komuniti dunia dan di negara Malaysia. Kajian ini dijalankan untuk mengukur impak penyebaran berita palsu dan strategi daya tindak mahasiswa Malaysia dalam berhadapan dengan pandemik terutamanya semasa pandemik COVID-19 yang menganas di Malaysia. Hasil daripada sorotan kajian lepas di Malaysia, isu impak berita palsu adalah amat signifikan dengan masyarakat tetapi kajian tersebut hanya mengukur isu penyebaran berita palsu tanpa membuat perkaitan dengan isu semasa iaitu isu penyebaran berita palsu semasa pandemik COVID-19 di Malaysia. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan instrumen *Impact Event Scale Revised* (1997) dan Inventori Strategi Daya Tindak (CSI) bagi mengukur hubungan signifikan di antara impak berita palsu dan strategi daya tindak mahasiswa semasa pandemik COVID-19 di Malaysia. Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 217 mahasiswa yang menuntut di peringkat pengajian tinggi di Malaysia. Hasil daripada dapatan kajian menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara impak penyebaran berita palsu dan strategi daya tindak mahasiswa semasa pandemik COVID-19. Malahan, “Penyelesaian Masalah” adalah moderator atau peramal terbaik yang digunakan oleh mahasiswa sebagai mekanisme pertahanan diri daripada isu berita palsu.

Kata kunci: berita palsu, pandemik, COVID-19, infodemik, strategi daya tindak.

Infodemic is a term used to describe information and pandemics that move along with the spread of facts and information. Fake news is an issue that is no stranger to the world community and Malaysia. This study was conducted to measure the impact of the spread of false news and the coping strategies of Malaysian students in dealing with it, especially during the COVID-19 pandemic that is raging in Malaysia. As a result of previous studies in Malaysia, the issue of the impact of fake news is very significant in the society, but the studies only measure the spreading of fake news without making a connection with the current issue which is the spreading of fake news during the COVID-19 pandemic in Malaysia. In this study, the researchers used the Impact Event Scale Revised (1997) and Coping Strategy (CSI) instruments to measure the significant relationship between the impact of fake news and student coping strategies during the COVID-19 pandemic in Malaysia. The respondents involved in this study consisted of 217 students at a university in Malaysia. The results of the study indicate that there is a significant relationship between the impact of false news dissemination and student coping strategies during the COVID-19 pandemic. In fact, “Problem Solving” is the best moderator or predictor used by students as a self-defense mechanism against fake news issues.

Keywords: fake news, pandemic, COVID-19, infodemic, coping strategy.

Sebelum abad ke-18, ketika waktu tersebut manusia belum lagi mengetahui berkaitan dengan kecanggihan teknologi kerana ketika waktu tersebut manusia masih lagi bergantung kepada peralatan tradisional. Seperti yang kita maklum bahawa pada masa tersebut, masyarakat dunia masih lagi mengamalkan pertanian dan perikanan secara tradisional dalam meneruskan keberlangsungan hidup. Tetapi, apabila masyarakat bertamadun telah mula mengembangkan ilmu pengetahuan mereka berkaitan dengan teknologi maka tercetusnya beberapa peringkat perkembangan Revolusi Industri seperti Revolusi Industri 1.0 iaitu pada abad ke-18, Revolusi Industri 2.0 iaitu pada abad ke-19, Revolusi Industri 3.0 iaitu pada abad ke-20 dan sehingga kini iaitu Revolusi Industri 4.0.

Tidak dinafikan bahawa apabila kita sedang menuju kearah kegemilangan dan kecanggihan dunia, sekaligus kita juga perlu berhadapan dengan apa-apa jua kesan negatif daripada aspek fizikal, mental dan sosial manusia

kerana itulah lumrah dunia yang perlu dihadapi oleh setiap manusia menuju kearah kegemilangan dan kecanggihan dunia, sekaligus kita juga perlu berhadapan dengan apa-apa jua kesan negatif daripada aspek fizikal, mental dan sosial manusia kerana itulah lumrah dunia yang perlu dihadapi oleh setiap manusia. Pada pertengahan 2019, dunia dikejutkan dengan kewujudan varians virus baharu iaitu Coronavirus atau COVID-19 yang berasal daripada negara China. Virus ini juga dikenali sebagai SARS-CoV-2 iaitu salah satu virus yang telah diiktiraf oleh Jawatankuasa Antarabangsa Taksonomi Virus pada 11 Februari 2020. Selain itu, virus SARS-CoV-2 akan mengancam sistem pernafasan manusia iaitu pengidap penyakit ini akan memiliki sindrom pernafasan akut yang teruk.

Malangnya, pandemik COVID-19 mula memasuki negara Malaysia pada akhir tahun 2019 iaitu akibat daripada kemasukan pelancong asing daripada negara China. Penduduk Malaysia pada masa itu berada dalam

ketakutan, risau dan bimbang kerana mereka sangat takut untuk dijangkiti virus COVID-19 yang masih belum memiliki penawar pada ketika itu. Kebimbangan dan kerisauan mereka semakin menjadi-jadi apabila berlaku beberapa penyebaran berita palsu yang seakan-akan sengaja menakutkan penduduk Malaysia terhadap virus COVID-19 sehingga menimbulkan permasalahan psikologikal dalam kalangan penduduk Malaysia.

Berita palsu merupakan isu yang sangat signifikan dalam kalangan penduduk di Malaysia. Berita palsu yang tersebar ini juga dikenali sebagai “Infodemik” iaitu informasi dan epidemik disebabkan oleh kecanggihan teknologi sehingga mengakibatkan tersebarnya berita sahih seiring dengan berita palsu di internet. Isu ini bukanlah perkara baharu dalam norma kehidupan rakyat Malaysia dan dunia. Tetapi, isu berkaitan dengan penyebaran berita palsu merupakan isu yang sangat merbahaya kepada kesihatan mental individu kerana ianya boleh menyebabkan berlaku beberapa gangguan psikologikal termasuklah depresi atau kemurungan, kebimbangan, keresahan dan sebagainya. Kemunculan vaksinasi COVID-19 ini telah memberikan khabar berita yang baik dan gembira kepada seluruh masyarakat dunia termasuk Malaysia. Tetapi, terdapat juga kumpulan individu yang tidak bertanggungjawab sengaja membuat dan menyebarkan berita palsu berkaitan vaksinasi COVID-19 sehingga melahirkan golongan anti-vaksin. Tambahan pula, isu penyebaran berita palsu berkaitan dengan vaksin COVID-19 telah menimbulkan kebimbangan dan telah menggoyahkan kepercayaan sesetengah individu untuk tidak menerima vaksin COVID-19.

Berdasarkan daripada objektif kajian dan soalan kajian yang telah dibina, terdapat beberapa hipotesis yang dibangunkan dalam kajian ini. Selain itu, aras signifikan yang digunakan dalam kajian ini adalah 0.05 bagi tujuan pelaksanaan data statistik inferensi.

Terdapat beberapa hipotesis kajian ini iaitu;

- H1.1 : Terdapat hubungan yang signifikan bagi impak berita palsu terhadap program vaksinasi di Malaysia.
- H1.2 : Terdapat hubungan yang signifikan bagi strategi daya tindak mahasiswa terhadap vaksinasi semasa pandemik COVID-19.
- H1.3 : Hubungan antara *Intrusion*, *Avoidance* dan *Hyperarousal* dengan strategi daya tindak mahasiswa di Malaysia.
- H1.4 : Moderator atau peramal yang signifikan bagi Impak berita palsu melalui Strategi Daya Tindak mahasiswa di Malaysia.

Kajian Literatur

Menurut Aldwairi dan Alwahedi (2018), kajian berkaitan dengan berita palsu sememangnya sudah tidak asing lagi dalam dunia penyelidikan. Oleh itu, beberapa kajian telah dijalankan oleh beliau untuk membantu para pengguna media sosial untuk mengenal pasti bagaimana untuk mengenali berita palsu secara efektif semasa mereka melayari internet. Bukan itu sahaja, beliau turut berpendapat bahawa pengguna dalam internet sangat suka menggunakan isu-isu terkini yang sedang menjadi arah aliran semasa sebagai tajuk pancingan kepada pengguna internet untuk mengakses berita tersebut. Hasil kajian beliau menyatakan bahawa sedikit

sebanyak dapat membantu para pengguna internet untuk mengenal pasti kod pseudo seperti kata kunci, tajuk, nombor permulaan, huruf dan sebagainya untuk mengenali ianya adalah berita palsu.

Walau bagaimanapun, Leeder (2019) dalam kajiannya di United States berkaitan dengan isu berita palsu dalam kalangan pelajar kolej, hasil kajian mendapati bahawa 64.29 peratus pelajar berjaya mengenal pasti berita palsu dan responden selebihnya gagal untuk mengenal pasti berita palsu tersebut. Penyelidik berpendapat bahawa para pelajar kolej masih belum mampu sepenuhnya untuk menggunakan kemahiran yang mereka pelajari untuk mengenal pasti secara 100 peratus berita tersebut adalah palsu. Malahan, para pelajar juga menyatakan bahawa mereka sedia untuk menyebarkan berita tersebut walaupun kesahihannya belum diketahui oleh mereka.

Ali (2019) menjelaskan perkaitan antara penyebaran berita palsu dan vaksinasi mendapati bahawa majoriti penyebar berita palsu ini adalah datangnya daripada kumpulan anti-vaksin. Mereka tidak mahu menerima vaksin kerana kepercayaan mereka terhadap vaksin tersebut adalah salah tetapi mereka tidak mahu menerima tunjuk ajar daripada pihak kesihatan. Oleh itu, mereka sengaja mengacau pemikiran mereka yang pro-vaksin supaya turut menyertai kumpulan mereka dengan cara menyebarkan berita buruk dan palsu mengenai vaksin.

Dalam satu kajian yang dijalankan di Pakistan, India dan Bangladesh iaitu bagi melihat kesanggupan orang ramai untuk mengambil vaksin COVID-19, hasil dapatan kajian mendapati individu yang terlibat dalam bidang perubatan sama ada pelajar atau kakitangan perubatan menunjukkan mereka tidak mempunyai protes terhadap penerimaan vaksinasi COVID-19. Tetapi, individu lain yang bukan daripada bidang perubatan mencatatkan seramai 13.9 peratus responden tidak percaya terhadap keberkesanan vaksinasi COVID-19. Sebanyak 9.86 peratus daripada individu anti-vaksin berpendapat bahawa mereka takut dengan kesan sampingan vaksin COVID-19 dan 93.2 peratus lagi menyatakan bahawa vaksin COVID-19 tidak berkesan (Kanozia & Arya, 2021).

Metode

Kajian ini menggunakan kajian non-intervensi iaitu menggunakan reka bentuk kajian kolerasi dan regresi linear bagi melihat hubung kait antara pembolehubah yang akan dikaji serta bagi melihat peramal yang paling kuat antara pembolehubah dalam kajian. Menurut Cresswell (2008), kajian kuantitatif adalah jenis penyelidikan dimana pengkaji memutuskan apa yang hendak dikaji, mengecilkan skop soalan, mengumpul data yang boleh diambil daripada peserta dan soalan-soalan yang diberikan adalah bersifat khusus. Selain itu, kajian ini akan menggunakan dan mengaplikasikan kaedah kajian rentas kerana ianya melibatkan penyelidikan berkaitan dengan sekumpulan orang-orang tertentu dalam suatu masa (Setia, 2016). Malahan, kaedah kajian rentas digunakan untuk menggambarkan apa yang berlaku pada masa ini. Di mana kajian penyelidik dalam kajian ini adalah bagi melihat impak berita palsu dan tindakan mahasiswa Malaysia terhadap pelaksanaan vaksinasi COVID-19 di dalam negara kita. Kajian ini melibatkan mahasiswa berwarganegara Malaysia dan berstatus sebagai mahasiswa di institusi pendidikan tinggi. Jumlah subjek atau sampel kajian yang terlibat adalah seramai

217 orang responden sahaja. Merujuk kepada Dane (1990), jumlah responden atau sampel dalam kajian yang terdiri daripada 50 orang atau lebih adalah jumlah yang mencukupi untuk tujuan kaedah tinjauan.

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian penyelidikan ini adalah borang soal selidik. Di samping itu, borang soal selidik yang diedarkan adalah berdasarkan kepada persampelan rawak iaitu pengkaji menghantar pautan borang soal selidik ke dalam kumpulan sembang WhatsApp dan Telegram untuk mendapatkan responden. Pengkaji mengutamakan nilai etika semasa mengedarkan borang soal selidik iaitu pengkaji tidak akan memaksa mana-mana pihak untuk mendaftarkan diri sebagai responden sebaliknya responden adalah berdasarkan sukarela mereka untuk menyertai kajian ini. Di samping itu, terdapat tiga bahagian soal selidik yang digunakan dalam kajian ini iaitu bahagian A iaitu ciri-ciri demografi responden yang terdiri daripada umur, jantina, etnik, taraf pendidikan, status perkahwinan, pekerjaan dan institusi.

Bahagian B iaitu berkenaan dengan *Impact Event Scale Revised* (IESR) yang dibangunkan oleh Weiss dan Marmar pada tahun 1997. Pada awalnya instrumen ini hanya memiliki 15 item sahaja kemudian ianya ditambah baik dengan memasukkan elemen *Hyperarousal* untuk mengukur simptom *Arousal* yang dialami oleh responden yang terlibat. Instrumen ini memiliki tiga subskala pengukuran iaitu *Intrusion* (soalan 1, 2, 3, 6, 9, 14 dan

20), *Avoidance* (soalan 5, 7, 8, 11, 12, 13, 17 dan 22) dan *Hyperarousal* (soalan 4, 10, 15, 18, 19 dan 21).

Bahagian C pula adalah Inventori Strategi Daya Tindak (*Coping Strategy Instruments* atau CSI). Menurut Wesner et al. (2014), instrumen CSI mampu mengukur tindakan seseorang individu semasa berhadapan dengan beberapa masalah dan tekanan daripada faktor persekitaran. Individu mampu menggunakan proses kognitif dan tingkah laku mereka semasa berhadapan dengan tekanan tersebut kerana ianya merupakan mekanisme diri untuk mengelak daripada berlaku gangguan psikologikal. CSI mempunyai lapan subskala iaitu Penyelesaian masalah (soalan 1 dan 9), Penyusunan semula kognitif (soalan 2 dan 10), Meluahkan emosi (soalan 3 dan 11), Sokongan sosial (soalan 4 dan 12), Mengelakkan masalah (soalan 5 dan 13), Angan-angan (soalan 6 dan 14), Kritikan diri (soalan 7) dan Penarikan sosial (soalan 8). Terdapat tiga bahagian subskala namun dalam kajian ini, pengkaji hanya akan menekankan kepada subskala *primary* sahaja iaitu mengutamakan kepada strategi daya tindak kepada individu itu sendiri.

Pada awalnya, instrumen ini mempunyai 72 soalan tetapi disebabkan oleh beberapa faktor yang menjadi punca kekangan, masalah dan isu timbul. Dengan bantuan nasihat daripada penyelia, pengkaji hanya mengambil 14 item sahaja tetapi setiap item yang diambil turut mengukur kesemua subskala yang terlibat dalam instrumen tersebut.

Keputusan Kajian

Jadual 1

Taburan Responden Mengikut Jantina

	Jantina	
	Kekerapan	Peratusan (%)
Perempuan	161	74.2
Lelaki	56	25.8

Jadual 1 diatas menunjukkan ciri-ciri profil demografi responden berkaitan dengan jantina. Seramai 74.2 peratus responden terdiri daripada kaum wanita dan selebihnya 25.8 peratus adalah lelaki. Oleh itu, daripada 217 responden yang terlibat dalam kajian penyelidikan ini, 161 orang adalah wanita dan 56 orang adalah lelaki.

Analisis keputusan kolerasi Pearson antara pembolehubah terikat dan pembolehubah bebas dalam kajian penyelidikan ini. Bagi pembolehubah bersandar iaitu "Impak berita palsu" dan pembolehubah bebas "Strategi daya tindak mahasiswa" masing-masing menunjukkan nilai yang signifikan iaitu .245 coefficient. Berdasarkan rujukan kepada jadual Pearson, apabila

melihat titik 0.05 nilai kritikal iaitu .195 (Schober & Schwarte, 2018), jelas membuktikan bahawa nilai kolerasi Pearson antara kedua-dua pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas dalam kajian penyelidikan ini mencapai nilai $>.195$ iaitu .245** sekaligus membuktikan bahawa terdapat hubungan yang positif dan kuat antara pembolehubah. Hal ini membuktikan bahawa hubungan yang kuat antara impak berita palsu dan strategi daya tindak mahasiswa terhadap pelaksanaan program vaksinasi COVID-19 di Malaysia.

Jadual 2

Hubungan bagi subskala IESR dan CS

	Penyelesaian Masalah	Meluahkan Emosi
Intrusion	.330*	-
Avoidance	.380*	-
Hyperarousal	.315*	-.019

* $k < .05$

Berdasarkan analisis Kolerasi Pearson, jadual diatas menunjukkan jumlah keseluruhan bagi subskala kedua-dua instrumen untuk mengukur tahap kekuatan dan kelemahan hubungan. Bagi subskala yang mempunyai hubungan yang tinggi dan signifikan adalah *Avoidance* dan penyelesaian masalah iaitu $r = .380$, $k < .05$. Manakala, kedua tertinggi adalah *Intrusion* dan penyelesaian masalah iaitu $r = .330$, $k < .05$. Ketiga tertinggi adalah *Hyperarousal* dan penyelesaian masalah iaitu $r = .315$, $k < .05$. Manakala, bagi jumlah terendah hubungan antara subskala adalah *Hyperarousal* dan meluahkan emosi kerana nilai yang dicatatkan adalah negatif iaitu $r = -.019$, $k > .05$ iaitu sangat rendah berbanding dengan subskala yang lain. Hanya subskala ini sahaja yang mempunyai nilai negatif dan tidak signifikan setelah analisis dilaksanakan. Bagi jadual penuh untuk semua subskala bagi analisis kolerasi Pearson per item.

Regressi linear adalah bagi mengukur hubungan antara satu atau lebih pembolehubah iaitu pembolehubah bersandar dan pemboleh ubah bebas (prediktor). Ianya hampir sama dengan kolerasi Pearson tetapi yang membezakan adalah regresi linear akan mengukur hubungan serta sebab dan akibat antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah terikat dalam sesebuah kajian penyelidikan (Kligfield et al., 1996). Selain itu, regresi linear juga akan mengukur prediktor signifikan antara pembolehubah yang terdapat dalam kajian penyelidikan ini.

Berdasarkan ujian bagi pembolehubah terikat iaitu IESR berkaitan dengan subskala *Intrusion* memiliki $f(8, 208) = 4.771$, $p = .000$ jumlah signifikan iaitu < 0.05 bagi keseluruhan subskala dalam instrumen CSI. Manakala, bagi jumlah R^2 iaitu 12.3% bagi varians dalam subskala *Intrusion* kepada subskala CSI. Bagi jumlah prediktor tertinggi dalam subskala *Intrusion* dan subskala CSI adalah Penyelesaian masalah iaitu $t = 4.0$, $p = 0.000$. Seterusnya, bagi subskala dalam pembolehubah terikat IESR kedua adalah *Avoidance*. Berdasarkan jadual ANOVA menunjukkan $F(8, 208) = 7.371$, $p = 0.000$ juga menunjukkan nilai signifikan yang tinggi iaitu < 0.05 . Manakala, bagi jumlah R^2 adalah 19.1% bagi jumlah varians dan untuk jumlah prediktor paling tinggi bagi *Avoidance* dan subskala CSI adalah subskala Penyelesaian masalah iaitu $t = 4.049$, $p = 0.000$.

Selain itu, bagi subskala terakhir dalam IESR iaitu *Hyperarousal*, apabila dianalisis bersama dengan subskala CSI menunjukkan jumlah ANOVA ialah $f(8, 208) = 6.168$, $p = 0.000$ jelas nilai signifikan < 0.05 . Bagi jumlah R^2 pula adalah 16.1% varians manakala jumlah prediktor yang paling tertinggi adalah $t = 4.161$, $p = 0.000$. Oleh itu, dalam regresi linear yang dijalankan menjelaskan bahawa antara subskala bagi pembolehubah terikat iaitu *Intrusion*, *Avoidance* dan *Hyperarousal* mendapati hubungan dan prediktor paling tinggi dalam subskala pembolehubah bebas iaitu CSI adalah Penyelesaian masalah. Penyelesaian masalah merupakan moderator atau peramal yang signifikan bagi ketiga-tiga pembolehubah terikat. Ketiga-tiga subskala pembolehubah terikat menunjukkan

signifikan dan positif berbanding dengan subskala yang lain.

Perbincangan

Berdasarkan kepada analisis kolerasi Pearson yang dijalankan keatas keseluruhan data bagi IESR dan CSI mendapati bahawa kedua-dua instrumen tersebut memiliki nilai yang sangat signifikan iaitu .245**. Kedua-dua instrumen memiliki nilai yang positif iaitu kedua-dua garisan adalah ke atas. Hubungan antara kedua-dua instrumen IESR dan CSI menghampiri garis kesempurnaan dan terdapat hubungan yang rapat dan kuat bagi mengukur pembolehubah yang dinyatakan dalam kajian (Noda, Asano & Hirano, 2019).

Setelah melaksanakan analisis bagi setiap subskala untuk pembolehubah terikat iaitu “Impak berita palsu semasa pandemik COVID-19” dan pembolehubah bebas “Strategi daya tindak mahasiswa terhadap penyebaran berita palsu” menjelaskan bahawa antara ketiga-tiga subskala yang terlibat dalam pembolehubah terlibat, *Avoidance* (IESR) dan Penyelesaian Masalah (CSI) merupakan item yang mempunyai nilai hubungan yang paling kuat dan tinggi daripada yang lain. Impak berita palsu akan membuatkan seseorang individu teringat-ingatkan hal tersebut terutamanya apabila berita palsu itu menimbulkan panik dalam kalangan pembaca. Oleh itu, individu cenderung untuk tidak memikirkan, menjauhkan diri daripada berita palsu dan sebagainya. Impak tersebut dikenali sebagai “*Avoidance*” kepada proses kognitif individu.

Bagi melihat ramalan atau moderator terhadap hubungan antara kedua-dua pembolehubah, analisis Regresi Linear telah dijalankan keatas setiap subskala dalam instrumen IESR dan CSI dalam kajian penyelidikan ini. Tujuan analisis ini dijalankan adalah untuk melihat mana satu subskala yang menjadi peramal tertinggi atau terkuat dan peramal yang rendah dan lemah dalam hipotesis yang dibina untuk menguji pembolehubah terikat dan pembolehubah bebas.

Berdasarkan analisis regresi linear bagi pembolehubah yang terlibat iaitu impak penyebaran berita palsu dan strategi daya tindak mahasiswa terhadapnya telah menunjukkan *Intrusion* (IESR) dan Penyelesaian Masalah (CSI) mempunyai nilai signifikan paling sempurna iaitu berada pada nilai $p = .000$. Pembolehubah terikat iaitu *Intrusion* dan Penyelesaian Masalah adalah moderator atau yang paling tepat untuk melihat impak penyebaran berita palsu dalam kalangan mahasiswa di Malaysia. Jumlah varians pula adalah 12.3 peratus menunjukkan nilai yang baik bagi moderator ini.

Berdasarkan kajian lepas daripada Shu et al., (2020), penyebaran berita palsu akan memberi kesan kepada individu seperti panik dan kemurungan jika tidak diatasi dengan lebih efektif dan berkesan. Tindakan daripada masyarakat sangat membantu pihak telekomunikasi untuk mencegah penyebaran berita palsu. Langkah tersebut juga

boleh digunapakai sebagai salah satu langkah membendung isu penyebaran berita palsu dalam kalangan mahasiswa.

Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dilaksanakan dalam kajian ini mendapati bahawa wujud hubungan yang signifikan antara impak berita palsu dan strategi daya tindak mahasiswa semasa pelaksanaan program vaksinasi COVID-19 di Malaysia. Malahan, tidak dinafikan bahawa berita palsu tersebar melalui media sosial atau secara bersemuka hasil daripada perkongsian rekaan cerita atau informasi palsu individu-individu yang tidak bertanggungjawab. Apabila informasi berita palsu dapat ditangani secara efektif oleh mahasiswa itu sendiri, maka, sudah pastinya mereka dapat menggunakan strategi daya tindak yang bersesuaian apabila berhadapan dengan dengan berita palsu terutamanya semasa pelaksanaan program vaksinasi COVID-19 di Malaysia. Strategi daya tindak yang mahasiswa ambil semasa berhadapan dengan berita palsu dapat dipaparkan melalui tingkah laku mereka terhadap persekitaran hasil daripada pemerhatian. Ianya dipelajari daripada Teori Pembelajaran Sosial seperti yang dipraktikan dalam kajian penyelidikan ini

Penghargaan

Penulis mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Universiti Malaysia Sabah atas pembiayaan geran di bawah Skim Dana Khas: SDK265-2020.

Rujukan

- Aldwairi, M., & Alwahedi, A. (2018). Detecting fake news in social media networks. *Procedia Computer Science*, 141, 215–222.
- Ali, K. I. (2019). The Fake News Phenomenon: Impact of Heuristic Cues on Perceived Credibility and Sharing on Social Media (Doctoral dissertation, University of Miami).
- Cresswell, J. W. (2008). *Educational Research Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. (3rd ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson Education, Inc.
- Dane, F. C. (1990). *Research methods*. Thomson Brooks/Cole Publishing Co.
- Kanozia, R., & Arya, R. (2021). “Fake news”, religion, and COVID-19 vaccine hesitancy in India, Pakistan, and Bangladesh. *Media Asia*, 1–9.
- Kligfield, P., Lax, K. G., & Okin, P. M. (1996). QT interval-heart rate relation during exercise in normal men and women: definition by linear regression analysis. *Journal of the American College of Cardiology*, 28(6), 1547–1555.
- Leeder, C. (2019). How college students evaluate and share “fake news” stories. *Library & Information Science Research*, 41(3), 100967. <https://doi.org/10.1016/j.lisr.2019.100967>
- Noda, Y., Asano, K., Shimizu, E., & Hirano, Y. (2019). Assessing Subgroup Differences in Posttraumatic Stress Disorder Among Rescue Workers in Japan with the Impact of Event Scale-Revised. *Disaster Medicine and Public Health Preparedness*, 13(2), 309–318.
- Schober, P., Boer, C., & Schwarte, L. A. (2018). Correlation coefficients: Appropriate use and

interpretation. *Anesthesia & Analgesia*, 126(5), 1763–1768.

- Setia, M. S. (2016). Methodology series module 3: Cross-sectional studies. *Indian Journal of Dermatology*, 61(3), 261.
- Shu, K., Mahudeswaran, D., Wang, S., Lee, D., & Liu, H. (2020). Fakenewsnet: A data repository with news content, social context, and spatiotemporal information for studying fake news on social media. *Big Data*, 8(3), 171–188.
- Wesner, A. C., Gomes, J. B., Detzel, T., Blaya, C., Manfro, G. G., & Heldt, E. (2014). Effect of cognitive-behavioral group therapy for panic disorder in changing coping strategies. *Comprehensive Psychiatry*, 55(1), 87–92.